

MAI PAKAT-PAKAT MASAK DI UUM

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 26 Oktober 2010 12:30

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

26 OKTOBER 2010 / 18 ZULKAEDAH 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar Oleh: Hairul Nizam Zakaria

MAI PAKAT-PAKAT MASAK DI UUM

UUM ONLINE: Ibu bapa, pelajar dan penduduk di Kedah serta Perlis dijemput untuk menyertai pertandingan memasak di tapak Padang Kawad Palapes pada Sabtu ini (30 Oktober) sempena Pesta Konvokesyen, Universiti Utara Malaysia (UUM) ke 23 yang akan bermula pada 29 Oktober hingga 2 November ini.

Pengarah Pertandingan 'Mai Pakat-pakat Masak', Nurul Hamiza Hamzah berkata, penyertaan bagi pertandingan ini terbuka kepada 40 pasukan sahaja.

Katanya, setiap pasukan disyaratkan mempunyai dua peserta dan perlu menyediakan masakan yang berasaskan ayam atau ikan sahaja.

Peserta hanya perlu membawa ayam dan ikan, manakala barangan memasak produk ADABI akan diberikan secara percuma untuk peserta memasak makanan mereka.

"Semua peserta perlu menyiapkan masakan tersebut dalam tempoh 30 minit dan hadiah-hadiah menarik disediakan kepada pihak pemenang termasuk hadiah saguhati kepada semua peserta yang mengambil bahagian," katanya.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Pusat Penginapan Pelajar (SAC) ini mendapat kerjasama daripada pihak ADABI yang menyediakan barangan untuk memasak serta hadiah kepada pemenang.

Manakala, Petronas pula menyediakan dapur dan gas untuk peserta memasak.

Aktiviti sempena pesta konvo ini diharap dapat menjalinkan hubungan antara pelajar, kakitangan, masyarakat setempat dan penguji kampus ini.

Ragi mereka yang berminat dan ingin mendaftar sebagai peserta boleh menghubungi